



Kata Alu-aluan

PERDANA MENTERI MALAYSIA

YAB DATO' SRI

MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK

Saya amat berbangga kerana majlis yang bermakna ini dapat dianjurkan bagi mengenang jasa dan pengorbanan para atlet negara yang telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat tertinggi sukan antarabangsa.

Sukan Olimpik adalah sukan yang berprestij tinggi dan merupakan medium yang dapat menyatukan seluruh warga dunia atas konsep "*goodwill and friendship*" yang menjadi objektif utama Piagam Olimpik, di samping dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan atlet.

Negara kita pertama kalinya menyertai Sukan Olimpik pada tahun 1956 di Melbourne, Australia. Bekas atlet keturunan India turut mewakili negara dalam pelbagai acara di Sukan Olimpik sehingga tahun 2000, termasuk olahraga, hoki, bola sepak dan banyak lagi. Mereka juga telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk memartabatkan nama Malaysia di persada dunia. Pengorbanan mereka patut diberi pujian dan penghargaan yang sewajarnya.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua "Olimpian" keturunan India yang telah banyak berjasa terutamanya yang mewakili negara pada tahun 50an dan 60an dalam keadaan serba kekurangan dari aspek kemudahan dan insentif, semata-mata untuk mendapatkan kejayaan untuk tanah air. Semangat patriotisme dan kesukanan yang ditunjukkan oleh mereka seharusnya disanjung tinggi dan dicontohi.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang telah mengambil inisiatif murni untuk mengadakan majlis ini. Saya berharap majlis ini dapat memberi kepuasan dan kegembiraan kepada para "Olimpian" keturunan India serta menjadi inspirasi kepada atlet-atlet muda untuk menjadi ahli sukan yang cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

DATO' SRI MOHD NAJIB



Kata Alu-aluan

PRESIDEN MIC

**MERANGKAP MENTERI SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA**

YB DATUK SERI G. PALANIVEL



Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya rasa amat bangga kerana diberi peluang untuk mencoret sepatah-dua kata dalam buku cenderamata yang dikeluarkan khas bagi majlis “ Malaysian Indian Olympian Star Night” ini.

Majlis ini merupakan satu acara yang sangat bermakna kepada olimpiawan keturunan India khususnya, dan kepada seluruh rakyat keturunan India umumnya, kerana jasa, pengorbanan serta sumbangan masyarakat keturunan India dapat dikenang kembali serta dihargai oleh semua rakyat Malaysia.

Terutamanya kepada ahli sukan dan atlet-atlet muda yang tidak tahu-menahu tentang semangat dan kesungguhan bekas atlet-atlet kebangsaan yang telah membawa banyak kejayaan kepada Negara kita dari zaman 50an kepada 80an. Pada masa itulah mutu sukan kita mencapai tahap yang tinggi di peringkat antarabangsa. Selepas tiga dekad barulah pada tahun 2012 kita mencapai kejayaan cemerlang dalam Sukan Olimpik!

Pada zaman 50an hingga 80an, penyertaan para olimpiawan keturunan India mewakili Negara kita adalah sangat membanggakan kerana peratus penyertaan mereka dalam Sukan Olimpik adalah tinggi berbanding dengan atlet-atlet berbangsa lain.

Kesungguhan mereka ini adalah atas inisiatif sendiri dan dengan dorongan daripada kerajaan kita. Mereka telah berlatih dengan bersungguh-sungguh walaupun tidak ada kemudahan yang canggih seperti zaman ini, dan telah membuktikan kehandalan mereka dalam arena sukan di peringkat antarabangsa.

Mereka ini memenangi banyak pingat dalam Sukan Asia, Sukan Komanwel, Piala Dunia, Sukan SEAP/SEA dan telah berjaya memartabatkan nama Negara di arena dunia. Segala pengorbanan

mereka haruslah dikenang dan diberi penghargaan.

Jadi tibalah masa untuk kita bersama-sama meraikan mereka yang telah membawa kebanggaan kepada masyarakat keturunan India. Pencapaian dan kehebatan mereka mestilah disebarikan kepada atlet-atlet muda sebagai satu motivasi.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima anugerah ini. Saya juga berharap mereka akan terus memberi inspirasi serta sokongan kepada atlet-atlet muda untuk menjadi ahli sukan yang disegani di masa hadapan


Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur majlis ini kerana mengambill usaha yang murni ini yang merupakan kali pertama majlis sebegini dianjurkan – saya pasti usaha ini akan membawa semangat patriotisme dan kesukanan dalam kalangan masyarakat India.

Majulah Sukan Untuk Negara.

Sekian. Terima kasih.

DATUK SERI G. PALANIVEL





Kata Alu-aluan

MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

YB ENCIK KHAIRY JAMALUDDIN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi sepatah, dua kata dalam buku cenderamata khas bagi meraikan para bekas atlet sukan berketurunan India yang telah mewakili Negara dalam sukan Olimpik.

Adalah menjadi impian bagi setiap atlet untuk menyertai kejohanan yang berprestij terutamanya sukan Olimpik. Ini membuktikan bahawa atlet tersebut adalah yang terbaik dalam sesebuah Negara dan juga di peringkat dunia.

Saya difahamkan, atlet berketurunan India telah mula mewakili Negara dalam Sukan Olimpik sejak dari tahun 1956 sehingga tahun 2000 terutama dalam sukan Olahraga, Hoki, Bola Sepak dan lain-lain sukan.

Oleh demikian, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua bekas atlet Olimpik berketurunan India yang telah banyak berjasa kepada Negara.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur yang mengambil inisiatif seperti ini. Diharap penghargaan dan penghormatan yang diberikan, akan menjadi inspirasi dan semangat kepada atlet-atlet muda untuk terus maju agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekian.

KHAIRY JAMALUDDIN



Kata Alu-aluan



**TIMBALAN PRESIDEN MIC
MERANGKAP MENTERI KESIHATAN**

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM



Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis "Malaysian Indian Olympian Star Night" kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku cenderamata yang dikeluarkan khas bagi majlis ini. Penganjuran majlis ini merupakan satu acara yang bersejarah dan bermakna kepada masyarakat India di Negara ini kerana, ia akan membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia tentang jasa dan pengorbanan atlet-atlet keturunan India untuk Negara yang dicintai.

Sesungguhnya, penganjuran majlis ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat India tentang keupayaan dan keistimewaan yang terdapat dalam kalangan kita, memandangkan masa kini belia keturunan India sering dikaitkan dengan gansterism. Acara sebegini pasti dapat memberi motivasi dan inspirasi terutamanya kepada ahli sukan dan atlet-atlet muda yang tidak tahu-menahu tentang semangat dan kesungguhan bekas atlet-atlet kebangsaan yang telah membawa banyak kejayaan kepada Negara kita sepanjang zaman 50an – 80an, zaman di mana mutu sukan Negara berada pada tahap yang gemilang!

Kita seharusnya berasa bangga dengan bekas atlet-atlet keturunan India yang telah banyak berkorban demi meningkat martabat sukan Negara. Mereka beraksi dengan cemerlang semata-mata untuk meningkatkan nama Negara di pesada dunia.

Penyertaan atlet-atlet keturunan India yang mewakili Negara buat kali pertama dalam Sukan

Olimpik di Melbourne merupakan pencapaian yang amat membanggakan bagi kita yang berbangsa India. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat cemerlang daripada atlet-atlet keturunan India di Malaysia. Selain daripada itu, mereka juga telah memenangi banyak pingat dalam Sukan Asia, Sukan Komanwel, Piala-Piala Dunia dan Sukan SEAP/SEA. Semua kejayaan ini patut dijadikan contoh oleh atlet-atlet muda kita pada masa kini.

Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua olimpian yang berketurunan India di atas semangat kesukanan dan semangat patriotisme mereka. Saya juga berharap agar mereka akan terus menjadi sumber inspirasi kepada atlet-atlet muda pada masa ini bagi melahirkan generasi ahli sukan yang disegani di masa hadapan.

Akhir kata, suka saya nyatakan di sini bahawa semoga penganjuran majlis ini akan berjaya melahirkan semangat patriotisme dan semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat India di Negara yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM



Kata Alu-aluan



**NAIB PRESIDEN MIC, Merangkap
TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

YB DATUK M. SARAVANAN



Saya selaku Timbalan Menteri Belia dan Sukan mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengerusi pengelola serta barisan ahli jawatankuasa atas penganjuran "Malaysian Indian Olympian Star Night", bagi mengenang jasa serta memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pengorbanan para atlet berketurunan India di pesada sukan antarabangsa.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kesemua Olimpian keturunan India yang telah banyak berjasa kepada Negara terutamanya yang telah mewakili Negara dalam tahun 50an, 60an, dalam zaman serba kekurangan, semata-mata untuk meraih kejayaan untuk bumi tercinta.

Saya amat menyanjungi semangat patriotisme dan kesukanan yang ditunjukkan oleh anda. Sukan menjadi agenda penting dalam arus pembangunan Negara. Bidang sukan telah membawa pengertian mendalam di kalangan rakyat Malaysia.

Negara kita pertama kalinya menyertai Sukan Olimpik pada tahun 1956 di Melbourne, Australia. Bekas atlet berketurunan India turut mewakili Negara dalam pelbagai acara di Sukan Olimpik sehingga tahun 2000, termasuk olahraga, hoki, bola sepak dan banyak lagi.

Mereka juga telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk memartabatkan nama Malaysia di pesada dunia. Pengorbanan mereka patut diberi pujian dan penghargaan yang sewajarnya.

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program ini. Saya berharap majlis ini menjadi inspirasi kepada atlet-atlet muda untuk menjadi ahli sukan yang cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DATUK M. SARAVANAN



Kata Alu-aluan



PRESIDEN MOM

**YAM TUNKU TAN SRI IMRAN
IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR**

Terlebih dahulu ingin saya bagi pihak Majlis Olimpik Malaysia mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur *'Malaysian Indian Olympian Star Night'* di atas inisiatif mereka untuk mengusahakan majlis ini demi memberi penghargaan kepada para Olimpian keturunan India di Negara kita,

Bagi pihak Majlis Olimpik Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada kesemua 319 orang Olimpian dalam 19 sukan / disiplin (272 lelaki dan 47 wanita) yang telah mewakili Negara dalam mencapai kejayaan masing-masing dalam Temasya Sukan Olimpik sejak 1956 hingga 2012. Sesungguhnya pencapaian dan kejayaan para Olimpian merupakan suatu kebanggaan Negara dan harus dijadikan sumber inspirasi kepada semua lapisan masyarakat.

Tambahan itu, saya juga ingin mengiktiraf sebilangan besar Olimpian yang turut menyumbang ke arah usaha pembangunan sukan Negara dalam pelbagai kapasiti masing-masing selepas bersara daripada pertandingan antarabangsa. Para Olimpian berketurunan India seperti Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan (Olahraga), Y.Bhg. Dato' M. Rajamani (Olahraga), Y.Bhg Dato' Nashatar Singh (Olahraga), Y.Bhg. Dato' M. Chandran (Bolasepak), Y.Bhg Dato' Sri Shanmuganathan (Hoki), Y.Bhg. Dato' R.Yogeswaran (Hoki), M. Kumaresan (Berbasikal) dan ramai lagi telah menunjukkan teladan yang baik dan patut diberi pengiktirafan dan penghargaan yang tertinggi.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada pihak penganjur *'Malaysian Indian Olympian Star Night'* dan semoga majlis ini akan dapat dikelolakan dengan sempurna

Yang benar,

YAM TUNKU TAN SRI IMRAN IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR
Presiden



Kata Alu-aluan

PENASIHAT JK MALAYSIAN INDIAN OLYMPIAN STAR NIGHT MERANGKAP Pengerusi Sri Maha Mariamman Temple DHEVASTHANAM

YBHG TAN SRI R.NADARAJAH

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penganjur 'Malaysian Indian Olympian Star Nite' yang julung kali diadakan secara skala besar untuk menghargai para bekas atlet negara keturunan India yang telah banyak berjasa kepada negara tercinta Malaysia.

Penglibatan atlet dari keturunan India dalam sukan olahraga adalah begitu besar sejak beberapa dekad yang lalu sejak seawal tahun 50an. Walaupun minoriti dari segi jumlah penduduk keseluruhan, bilangan atlet keturunan India mewakili negara pernah mencecah setinggi 54.6% (Mexico Sukan Olimpik Tahun 1968)

Malangnya penyertaan atlet keturunan India telah mengalami kemerosotan sehingga pada sukan Olimpik di Sydney tahun 2004, tidak ada seorang atlet dari keturunan India mewakili negara.


Saya amat memuji usaha yang diambil oleh penganjur majlis ini untuk memberi pengiktirafan kepada atlet-atlet yang telah berkorban untuk mengharumkan nama negara. Berkorban "kerana atlet-atlet ini telah banyak memberi sumbangan tanpa mengharapkan pulangan dalam bentuk wang ataupun asset.

Khidmat mereka semata-mata untuk mengharumkan nama Malaysia harus di puji dan direnung oleh generasi muda sekarang. Generasi muda sekarang hendaklah berikhtiar untuk mengembalikan era atlet keturunan India yang pernah mendominasi sukan olahraga di arena tempatan dan dunia. Atlet-atlet veteran juga berperanan untuk memberikan sumbangan mereka sebagai sumber motivasi, inspirasi dan mentor kepada atlet-atlet anak muda keturunan India.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur dan ahli-ahli jawatan kuasa serta setiap individu yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan majlis sambutan ini. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah menghulurkan bantuan dan perestuan kepada pihak penganjur untuk mengadakan majlis ini.

Sekian, terima kasih.

MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA



Tan Sri R. Nadarajah, PSM, PJK, DPTJ, KMN, AMN, PJK



Kata Alu-aluan

PENGERUSI PENGANJUR

S. SIVAPRAGASAM A.M.W

Saya bagi pihak Jawatankuasa Penganjur **Malaysian Indian Olympian Star Night** mengucapkan Selamat Datang kepada para Olimpian dan semua tetamu ke majlis jamuan makan malam yang dianjurkan khas untuk meraikan para Olimpian keturunan India di Malaysia atas pengorbanan dan jasa mereka untuk Negara kita.

Majlis jamuan makan malam ini dianjurkan dengan tujuan memberi penghormatan dan penghargaan kepada bekas wira-wira Negara yang telah banyak membawa kejayaan kepada Negara kita. Pada zaman mereka menjadi atlet, tidak ada kemudahan yang canggih dan insentif untuk pencapaian mereka. Segala usaha mereka adalah atas inisiatif mereka sendiri demi untuk Negara. Dalam zaman 50an – ke 90an penyertaan dan kejayaan yang diperoleh atlet keturunan India dalam sukan di peringkat antarabangsa, termasuk Sukan Olimpik, adalah sangat tinggi dan mengkagumkan berbanding dengan keseluruhan penyertaan dari Negara kita.

Sukan Olimpik adalah peringkat paling tinggi dalam bidang sukan yang ingin disertai oleh setiap orang ahli sukan. Menyertai dalam sukan berprestij tinggi ini bukan mudah dan jika terpilih untuk mewakili Negara, ini merupakan pengiktirafan paling tinggi bagi seseorang ahli sukan. Kejayaan yang diperoleh dalam Sukan Olimpik tidak ada tandingannya !

Negara kita telah pertama kali menyertai dalam Sukan Olimpik di Melbourne, Australia pada tahun 1956 sebagai kontinjen **MALAYA**. Daripada jumlah peserta seramai 33 orang, 11 orang peserta (**33.3%**) adalah atlet keturunan India. Pada tahun 1968 dalam Sukan Olimpik di Mexico, **54.6%** daripada jumlah peserta Malaysia adalah terdiri daripada atlet keturunan India! Begitu jugalah dalam sukan-sukan olimpik yang seterusnya . Bilangan atlet keturunan India yang telah mewakili Negara adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah populasi keturunan India Negara. Selain daripada itu mereka juga telah memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan Piala Dunia dan telah mengharumkan nama Negara di pesada dunia.



Walaupun performan dan kejayaan yang diperoleh mereka sangat tinggi, tetapi ini tidak disedar oleh generasi baharu terutamanya ahli-ahli sukan yang muda. Dengan itu pengorbanan dan jasa mereka tidak dikenang dan dihayati oleh orang ramai. Kami pihak penganjur berharap agar majlis sebegini dapat memberi kegembiraan kepada para Olympian yang diraikan serta memberi inspirasi dan motivasi kepada atlet-atlet muda mencuba bersungguh-sungguh untuk membawa kejayaan kepada Negara kita.

Saya bagi pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah memberi perestuan dan bantuan kewangan untuk menganjurkan majlis ini. Ini dengan jelasnya menunjukkan keprihatinan dan rasa kebanggaan beliau terhadap rakyat Malaysia yang telah banyak berjasa untuk Negara.

Seterusnya saya mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan para Olimpian yang menjadi teladan yang baik kepada generasi muda. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada para derma, AJK penganjur serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menjayakan majlis ini.

Sekian, terima kasih.

S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.



Ahli Jawatankuasa Penganjur

PENASIHAT	:	YBHG TAN SRI R. NADARAJAH
PENGERUSI	:	ENCIK S. SIVAPRAGASAM
NAIB PENERUSI	:	YBHG DATO' M. RAJAMANI DR. V. MOHANADAS
PENASIHAT PROTOKOL:	:	YBHG DATUK SERI M. THIRUSELVAM
PENASIHAT LO VIP	:	YBHG DATO' SELLATHURAI
SETIAUSAHA	:	CIK R. KALAIVALLI
PEN. SETIAUSAHA	:	PUAN S. BANUMATHY
BENDAHARI	:	ENCIK STANLEY ARUMUGAM
<u>PENGERUSI JK KECIL</u>		
PROTOKOL / LO / SAMBUTAN	:	ENCIK N. RAJASVARAN
	:	ENCIK S. SABAPATHY
	:	ENCIK HUSIN BIN SAFAR
	:	ENCIK D. GOVINDARAJAN
	:	YBHG DATIN THUSHA RANI
	:	ENCIK K. KRISHNASAMY
	:	PUAN MAGGIE GOH KIM HENG
	:	PUAN S. PUNITHAVATHY
	:	PUAN ZALINA BT ZULKIFLEE
	:	ENCIK R.T.SUNDRAM
JEMPUTAN	:	ENCIK S. SIVAPRAGASAM
	:	CIK R. KALAIVALLI
JAMUAN	:	DR. V. MOHANADAS
	:	ENCIK DANIEL PONNIAH
	:	ENCIK C. VILLAIAN
	:	ENCIK JACOB PONNIAH
HADIAH / CENDERAMATA/ SIJIL	:	PUAN KAMALA VENI MARIMUTHU
	:	CIK M. LEELAMBIGAI
	:	PUAN S. BANUMATHY
BUKU CENDERAMATA	:	CIK R. KALAIVALLI ENCIK N. RAJASVARAN
KESELAMATAN / KEBAJIKAN	:	SGT. G. P. BALAN
	:	ENCIK SANGARANKUTTY NAIR
	:	SGT. MAJOR P. SIDAMPARAM
SERANTA PENGINAPAN	:	DR. MADHIVANAN
	:	ENCIK S. MURALI
PENDAFTARAN	:	ASSO. PROF. DR. S. VIJAYALETCHUMY
	:	CIK WAN MARDZIYAH WAN HASBULLAH
	:	CIK SARIAH BT MAT NAWI
	:	ENCIK JACOB PONNIAH



Ahli Jawatankuasa



YBHG TAN SRI R. NADARAJAH



ENCIK S. SIVAPRAGASAM



**YBHG DATO'
M. RAJAMANI**



DR. V. MOHANADAS



CIK R. KALAI VALLI



PUAN S. BANUMATHY



**ENCIK STANLEY
ARUMUGAM**



ENCIK N. RAJASVARAN



ENCIK S. SABAPATHY



PUAN M. KAMALAVENI



Ahli Jawatankuasa



**ENCIK HUSIN BIN
SAFAR**



**ENCIK K. KRISHNA-
SAMY**



ENCIK C. VILLAIAN



**ENCIK DANIEL
PONNIAH**




ENCIK S. MURALI




SGT. G.P. BALAN



DR. MADHIVANAN



**SGT. MAJOR
P.SIDAMPARAM**



**ENCIK SANGARAN-
KUTTY NAIR**



**PUAN MAGGIE
GOH KIM HENG**



**ENCIK JACOB
PONNIAH**



**ASSO.PROF.
S. VIJAYALETCHUMY**







**BIODATA
OLYMPIAN**



YBHG DATO' M. RAJAMANI, AMN, PJK, AMP (70 Thn)
SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo : 400m
 Sukan Komanwel 1966 di Kingston: 400m
 Sukan Asia 1966 di Bangkok : 400m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1965 di Kuala Lumpur: 200m, 400m, 800m, 4 x 100m (Pingat Emas)
 Sukan SEAP 1967 di Bangkok : 400m, 800m, 4x100m (P.Emas) , 200m (Pingat Perak).
 Olahragawati Negara - Anugerah Sukan Negara 1965 & 1966.



YBHG DATO' N. SRI SHANMUGANATHAN, KMN, PJK (66 Thn)
SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1968 di Mexico (Tempat ke -15)
 Sukan Olimpik 1972 di Munich – Ketua Pasukan (Ke-5)
 Sukan Olimpik 1976 di Montreal – Ketua Pasukan (Ke-8)
 World Cup 1973 di Amsterdam – Ketua Pasukan (Ke-11)
 World Cup 1975 di Kuala Lumpur – Ketua Pasukan (Ke-4)
 World Cup 1978 di Buenos Aires – (Tempat Ke-10)
 Asian Games 1970 di Bangkok – Ketua Pasukan (Ke-4)
 Asian Games 1974 di Teheran – Pingat Gangsa
 Olympic Council Hall of Fame - 2004
 Ketua Pasukan Hoki Malaysia sebanyak 125 kali



YBHG DATO' NASHATAR SINGH, KMN, AMN, PJK (74 Thn)
SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo : Javelin
 Sukan Olimpik 1968 di Mexico : Javelin
 Sukan Komanwel 1966 di Jamaica: Javelin (Ke-4)
 Sukan Asia 1966 di Bangkok : Javelin (P.Emas)
 Sukan Asia 1970 di Bangkok : Javelin (P.Gangsa)
 Sukan SEAP/SEA 1963-1977 – Javelin & Shot Put (P.Emas)
 Ragbi Antarabangsa – 1965 Ketua Pasukan
 Director of Operations 1994 – 2001 (1998 16th Commonwealth Games in Kuala Lumpur)



R. SUBRAMANIAM, AMN, PJK (74 Thn)
SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo
 Sukan Olimpik 1968 di Mexico
 Sukan Komanwel 1962 di Perth
 Sukan Komanwel 1966 Jamaica
 Sukan Asia 1962 di Jakarta : 800m (Ke-6), 1500m (Ke-8)
 Sukan Asia 1966 di Bangkok: 800m & 1500m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1961 di Rangoon : 800m & 1500m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1965 di Kuala Lumpur: 800m & 1500m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1967 di Bangkok : 800m, 1500m & 5000m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1969 di Rangoon : 800m & 1500m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1971 di Kuala Lumpur: 800m & 4x400m (P.Emas)





**STEPHEN GEORGE VAN HUIZEN, AMP, PPN, PMC (55 Thn)
SUKAN – HOKI**

Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles (Ke-10)
World Cup 1981 di Bombay (Ke-10)
Sukan Asia 1982 di Delhi: Pen. Ketua Pasukan (P.Gangsa)
Sukan Asia 1986 di Seoul (Ke-4)
Sukan SEA 1983 di Singapura (P. Emas)
Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur: Ketua Pasukan (P. Emas)
Ketua Pasukan Intercontinental Tournaments 1985 (Barcelona)
dan 1989 (New Jersey)
Anugerah ‘ Hockey Player of the Year ‘ 1994
Anugerah Sukan Negara.



**C. PARAMALINGAM, PPN, PJK (79 Thn)
SUKAN – HOKI**

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo
Sukan Asia 1958 di Tokyo
Sukan Asia 1962 di Jakarta
Sukan Asia 1966 di Bangkok
Anugerah Jurulatih Kebangsaan 1999
Anugerah Sukan Negara 2007
Dipilih *Hockey Legend* tahun 2002 oleh PHM



**PEYADESA A/L P.L.B. SINGHA, PJM, PKT (66 Thn)
SUKAN - OLAHRAGA**

Sukan Olimpik 1972 di Munich - 4x400m masa: 3:13.0s –
mengatasi rekod kebangsaan
Sukan SEAP 1971 di Kuala Lumpur - 400m (Ke-4)
Sukan SEAP 1973 di Singapura - 400m & 4x400m (P. Emas)
Sukan SEAP 1975 di Bangkok - 400m, & 4x400m (P.Gangsa)
Sukan SEA 1977 di Kuala Lumpur – 4 x400m (P. Emas)



**PALANISAMY A/L NALLASAMY, PJK (65 THN)
SUKAN – HOKI**

Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-8)
World Cup 1973 di Amsterdam (Ke-11)
World Cup 1975 di Kuala Lumpur (Ke-4)
Sukan Asia 1974 di Teheran (P.Gangsa)
Sukan SEAP 1975 di Bangkok (P. Emas)






BAHWANDI A/L HIRALAL (62 Thn)

SUKAN – BOLA SEPAK

Sukan Olimpik 1972 di Munich
Sukan Asia 1970 di Bangkok
Sukan SEAP 1971 (P. Perak)
Ketua Pasukan Hoki Belia Negara 1969 di Bangkok,
1970 di Manila dan 1971 di Tokyo.



MAHENDARAN A/L MURUGESAN, AMN (66 Thn)

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1972 di Munich (Ke-6)
Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-8)
World Cup 1973 di Amsterdam (Ke-11)
World Cup 1975 di Kuala Lumpur (Ke- 4)
Sukan Asia 1970 di Bangkok (Ke-4)
Sukan Asia 1974 di Teheran (Pingat Gangsa)
Pra Olympic 1968 (P.Gangsa)
Sukan SEAP/SEA 1968-80



KRISHNASAMY A/L VELLO, PPN, PJK, PJM (65 Thn)

SUKAN – BOLA SEPAK

Sukan Olimpik 1972 di Munich
Sukan Asia 1970 di Bangkok
Sukan Asia 1974 di Teheran
Sukan SEAP – 4 kali (1 P. Perak)
Olympic Qualifying Round in Seoul 1971



SHURENTERAN A/L MURUGASEN (57 Thn)

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles (Ke-10)
World Cup 1982 di Bombay (Ke-10)
International Hockey Tournament 1980
Sukan Asia 1982 di Delhi (P.Gangsa)
Sukan Asia 1986 di Seoul (Ke-4)
Sukan SEA 1979 di Jakarta (P. Emas)
Sukan SEA 1983 di Singapura (P. Emas)



MANINDERJIT SINGH, AMP, PJK (41 Thn)

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1996 di Atlanta, Sukan Olimpik 2000 di Sydney
Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur
Sukan Asia 1994 di Hiroshima
Sukan Asia 1998 di Bangkok
Sukan SEA 1993 (Singapura), 1997 (Jakarta), 1999 (Brunei),
2001 (Kuala Lumpur)
Only Malaysian player to win the “ *Power Most outstanding
player of the day*’ in the 2002 Hockey World CUP.





R. PATHMARAJAH (65 Thn)

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1972 di Munich
Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-8)
World Cup 1973 di Amsterdam (Ke-12)
World Cup 1975 di Kuala Lumpur (Ke-4)
Sukan Asia 1974 di Teheran (Pingat Gangsa)



RAMA KRISHNAN A/L RENGASAMY (60 Thn)

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1972 di Munich
Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-8)
World Cup 1973 di Amsterdam (Ke-12)
World Cup 1975 di Kuala Lumpur (Ke-4)
World Cup 1978 di Argentina (Ke-10)
Sukan Asia 1974 di Teheran (Pingat Gangsa)
Sukan Asia 1978 di Bangkok (Pingat Gangsa)
Sukan SEAP/SEA 1971, 1975, 1977, 1979 (Pingat Emas)
Member of Asian All Stars XI 1974



ANNASTASIA KAREN RAJ (38 Thn)

SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1996 di Atlanta (ke-24)
Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur (ke-5)
acara berjalan kaki
Sukan SEA 1995 (Pingat Emas - 5 KM Walk)
Rekod Sukan SEA dan Kebangsaan
Sukan SEA 1997 (Pingat Emas – 10 KM Walk)



MOHINDAR SINGH A/L AMAR SINGH, AMN, PPP, AMP, AMK, PPT, PJK (59 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-8)
World Cup 1978 di Argentina (Ke-10)
World Cup 1982 di Bombay
Sukan Asia 1978 di Bangkok (Pingat Gangsa)
Sukan SEAP 1973 di Singapore (Pingat Perak)
Sukan SEAP/SEA 1975, 1977, 1979 (Pingat Emas)
International Caps Earned - 108





KRISHNAN A/L TAMBU, DJN, PPN, PJK, PKT (69 Thn)

SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1968 di Mexico 4x100m (Separuh Akhir)
 Sukan Olimpik 1972 di Munich 400m , 4x400m
 Sukan Asia 1966 di Bangkok : 4x100m (P. Emas), 200m (P.Perak) dan 4x400m (P. Gangsa)
 Sukan Asia 1970 di Bangkok : 4x400m (P. Gangsa)
 Sukan SEAP 1965 ... 100m (P.Emas), 4x100m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1965 ... 4 x 100m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1972 ... 400m & 4x400m (P.Emas), 200m & 4x100m (P.Perak)
 Anugerah TOKOH Guru Kebangsaan 2004.



KARU SELVRATHNAM, AMN, PTS (72 Thn)

SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo: 400mH, 4x400m
 Sukan Komanwel 1962 di Perth : 400mH, 4x400m
 Sukan Asia 1962 di Jakarta: 4x400m (P.Perak), 400mH (P.Gangsa)
 Sukan SEAP 1961 di Rangoon : 400m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1965 di Kuala Lumpur: 4 x 400m (P.Emas)
 Sukan SEAP 1973 di Singapore : 400mH (P.Perak)



YBHG DATO' A. VICTOR A/L ASIRVATHAM, DPMP, PMP, AMP, PPT, PJK. (73 Thn)

SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo : 400m & 4x400m
 Sukan Olimpik 1968 di Mexico : 4 x 400m
 Sukan Komanwel 1962 di Perth : 400m dan 4 x 400m
 Sukan Asia 1962 di Jakarta : (P. Gangsa)
 Sukan Asia 1966 di Bangkok (P.Gangsa)
 Sukan Asia 1970 di Bangkok (P.Gangsa)
 Sukan SEAP 1961 di Rangoon, 1965 di Kuala Lumpur, 1967 di Bangkok dan 1971 di Kuala Lumpur (12 P.Emas)



SIVARAMAN A/L SINNAIR (64 Thn)

SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1972 di Munich : 4 x 400m
 Asian Track & Field 1973 : 4 x 00m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1971 di Kuala Lumpur : 4 x 400m (P.Emas)
 Asia Vs Europe 1973 : 4 x 400m (P.Perak)





S. SABAPATHY (66 Thn)

SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1972 di Munich
Sukan Asia 1970 di Bangkok : 4 x 400m
Sukan SEAP 1973 di Singapore : 4x400m (P.Emas), 200m (P.Perak) dan 4 x 100m (P.Gangsa)
Sukan SEAP 1975 di Bangkok : 4 x 400m dan 4 x 200m (P. Gangsa)



RAJAKUMAR BATUMALAI (49 Thn)

SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles
Sukan Asia 1982 di New Delhi : 800m, 1500m
Sukan Asia 1986 di Seoul : 800m, 1500m
Sukan SEA 1981 di Manila : 800m, 1500m
Sukan SEA 1983 di Singapore : 800m & 1500m (P.Emas)
1985 mencatatkan rekod 800m “Asian Track & Field” di Jakarta, sehingga 2003.



JOSEPHINE MARY SINGARAYAR (46 Thn)

SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1988 di Seoul
World Cup 1987 di Rome
World Indoor Championships 1987 di USA
Sukan Komanwel 1990 di Auckland : 400m
Sukan Asia 1986 di Korea : 800m (P.Gangsa)
Sukan Asia 1990 di China : 4 x 400m (P.Gangsa)
Sukan SEA 1985 – 1993 : 400m, 800m, 4x400m (P.Emas & Perak)



KENNETH PERERA (79 Thn) – Meninggal dunia

SUKAN - OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1956 di Melbourne
Sukan Asia 1958 di Tokyo



DORAISAMY A/L MUNUSAMY (76 Thn)

SUKAN – HOKI / KRIKET / BOLA SEPAK

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo – Ketua Pasukan (Ke-9)
Sukan Asia 1962 di Jakarta – Pingat Gangsa
Sukan Asia 1966 di Bangkok – (Ke-4)
Sportsman of the Year (Hoki) 1965 & 1966
Pemain Kriket dan Bola Sepak peringkat antarabangsa
Asia Cup 2007 (Pingat Gangsa)





AANANTHA SAMBU MAYAVU (47 Thn)
SUKAN - HOKI
Sukan Olimpik 1992 di Barcelona




JIWA MOHAN
SUKAN - HOKI
Sukan Olimpik 2000 di Sydney
Piala Dunia 2002
Sukan Komanwel 2006 (Pingat Gangsa)
Sukan Asia 2006
Piala Asia 2007 (Pingat Gangsa)



DATO' M. CHANDRAN, DSIS, DIMP, AMN, PJK (71 Thn)
SUKAN - BOLA SEPAK
Sukan Olimpik 1972 di Munich – Ketua Pasukan
Sukan Asia 1974 di Teheran – Ketua Pasukan
Sukan SEA dari 1966
FIFA Development Office – Finance officer 2005-2010
Ketua Pasukan ke Merdeka Tournament



PAUL LOPEZ (45 Thn)
SUKAN - HOKI
Sukan Olimpik 1992 di Barcelona (Ke-10)
Piala Dunia 1998 (Ke-11)
Sukan SEA 1993 & 1997 (Pingat Emas)



HARNAHAL SINGH A/L U. SEWA SINGH (67 Thn)
SUKAN - HOKI
Sukan Olimpik 1968 di Mexico
Sukan Olimpik 1972 di Munich
Asian Games 1966 di Bangkok
Pre Olympic Hockey Festival 1968, Lahore





GOBINATHAN KRISHNAMURTHY (35 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 2000 di Australia
World Cup 2002 di Kuala Lumpur
Asian Games 1998 di Bangkok & 2002 di Busan
Sukan SEA 1997 di Jakarta dan 2001 di Kuala Lumpur



ANWARUL HAQUE MANIRUDDIN (74 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo.
Mewakili Malaysia dalam 'Training Tour' di India 1964
Sukan Asia 1962 dan 1970 – wakil Singapore
Telah dipilih dalam 'Asian All Stars Team'.



YBHG DATUK A. SABAPATHY (78 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo
Sukan Olimpik 1968 di Mexico
Sukan Asia 1966 di Bangkok
Pre Olympic Hockey Festival 1968 di Pakistan



CHARLES AITKEN DAVID (45 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1996 di Atlanta
Sukan Asia 1994 di Hiroshima – Pingat Gangsa
Sukan Asia 1990 di Beijing
Sukan SEA 1993 di Singapore – Pingat Emas
Sukan SEA 1995 di Chiang Mai – Pingat Emas
Ketua Pasukan Hoki Malaysia sebanyak 125 kali



BRIAN STA MARIA, PJK (64 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1972 di Munich





M. KUMARESAN

SUKAN – BERBASIKAL

Sukan Olimpik 1988 di Seoul
 Sukan Olimpik 1992 di Barcelona
 – layak ke pusingan akhir 50km Point Race
 Sukan Asia 1986, 1990, 1994 – 3 P.Perak dan 1 P.Gangsa
 Sukan SEA - 7 kali menyertainya & menang 9 P.Emas, 6 P.Perak
 & 4 Pingat Gangsa
 Anugerah Sukan Negara Tahun 1987



AVTAR SINGH GILL, PJK (59 Thn)

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1976 di Montreal
 World Cup 1978 di Beunos Aires
 World Cup 1982 di India
 Sukan Asia 1978 di Bangkok (Pingat Gangsa)
 SEA Games 1977 di Kuala Lumpur (Pingat Emas)



KALISWARAN MUNIANDY

SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1996 di Atlanta
 Piala Dunia 1998 di Holland
 Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur (P.Perak)
 Sukan Asia 1998 di Bangkok
 Sukan SEA 1997 di Jakarta (P. Emas)
 Sukan SEA 1999 di Brunei (P.Emas)
 Mewakili Malaysia sebanyak 180 kali



KUHAN SHANMUGARAJAH

SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1996 di Atlanta
 Sukan Olimpik 2000 di Sydney
 Piala Dunia 1998 di Holland
 Piala Dunia 2002 di Kuala Lumpur
 Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur (P.Perak)
 Sukan Asia 1998 di Bangkok; 2002 di Busan, Korea
 Sukan SEA 1995 /97 / 99 / 01 / 07 (P.Emas)



RAJALINGAM GUNARATNAM (72 Thn)

SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1968 di Mexico – 200m, 4 x 100m
 Sukan Asia 1966 di Bangkok – 4 x100 (Pingat Emas)
 Sukan Asia 1970 di Bangkok – 4 x 100m
 Sukan SEAP 1965 di Kuala Lumpur – 4 x 100 (P. Emas)
 200m (P.Perak)
 Sukan SEAP 1967 di Bangkok – 100m, 200m, 4 x 400m (P.Emas)
 4 x 100m (P. Gangsa)





ASSO. PROF. C. KUNALAN
SUKAN – OLAHRAGA

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo – wakil Malaysia
Sukan Asia (5 kali) dan Sukan SEAP/SEA (15 kali)
The most successful Track & Field athlete in Singapore.




SURIAGHANDI SUPPIAH (44 Thn)
SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1992 di Barcelona – (Ke-10)
Junior World Cup 1989 di Ipoh



MUHAMMAD DHARMA RAJ
SUKAN – HOKI

Sukan Olimpik 1992 di Barcelona
Piala Asia 1990
Piala Dunia (Junior) 1989
Piala Indra Ghandi 1990 di India



ARUL RAJ MICHAEL, AMN (75 Thn)
SUKAN - HOKI

Sukan Olimpik 1964 di Tokyo
Sukan Olimpik 1968 di Mexico
Sukan Asia 1962 di Jakarta
Sukan Asia 1966 di Bangkok



**KEVIN CHRISTOPHER NUNIS
SUKAN – HOKI**

Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles
Sukan Asia 1982 di India,
Sukan Asia 1986 di Jakarta
Junior World Cup 1979 di Paris
Sukan SEA 1983 di Singapura
Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur

**GARY VERNON FIDELIS
SUKAN – HOKI**


Sukan Olimpik 1992 di Barcelona
Sukan Asia 1986 di Seoul
Sukan Asia 1990 di Barcelona
Sukan SEA 1987 di Jakarta
Sukan SEA 1993 di Singapore
Asian All Stars Tour 1987

**S. BALASINGAM A/L S. SINGARAM (66 Thn)
SUKAN – HOKI**

Sukan Olympik 1972 di Munich (Ke-8)
Sukan Olimpik 1976 di Montreal (Ke-11)
World Cup 1975 (Ke-4)



Training for Toyko Olympics



JASAMU DIKENANG

Sukan Negara telah mengalami pelbagai keadaan positif dan negatif dari zaman atlet Negara mula menceburi dalam sukan sehinggalah masa kini. Ada masa yang gemilang, ada masa yang sungguh malang. Dalam abad ke-21 ini di mana sains dan teknologi yang canggih mempengaruhi seluruh sudut kehidupan kita di Malaysia, kita telah berjaya menunjukkan kepada dunia bahawa Negara kita adalah penganjur sukan yang terunggul. Ini dapat kita lihat dengan menilai penganjuran Pertandingan Formula 1, Le Tour De Langkawi, pertandingan Iron Man Triathlon, Sukan Komanwel 1998 dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, kita juga berjaya menyediakan kemudahan sukan dan infrastruktur setaraf antarabangsa yang begitu cemerlang berbanding dengan Negara-negara yang sedang membangun. Semua ini adalah kebanggaan kita!

Soalannya, adakah semua kejayaan tersebut itu melebihi atau pun sama taraf dengan kejayaan yang dicapai oleh atlet Negara kita pada masa kini. Adakah atlet Negara kita dapat mempertingkatkan kejayaan dan kehandalan mereka setaraf dengan kejayaan kita dalam penganjuran? Selain daripada 2 atau 3 sukan seperti Badminton, Squasy, Bowling, Sukan Terjun - prestasi atlet Negara dalam sukan-sukan lain tidak menunjukkan sebarang peningkatan berbanding

dengan zaman 50 – 70an. Malangnya kini, prestasi atlet dalam sukan-sukan ini semakin merosot.

Dalam zaman 50 – 70an ramai atlet Negara telah memperoleh kejayaan cemerlang di peringkat Asia, Antarabangsa dan telah berjaya ke sukan olimpik yang berprestij tinggi. Ada yang telah masuk ke peringkat Separuh Akhir dalam Sukan Olimpik dan telah berjaya memenangi Pingat Perak dan Gangsa dalam Sukan Asia dan Komanwel – ini merupakan satu kejayaan yang tinggi! Pada zaman itu, apakah kemudahan moden yang terdapat untuk digunakan oleh atlet kita bagi tujuan latihan?

Mereka tidak diberi insentif seperti tanah, kereta, wang tunai, kerja yang tetap dsbnya untuk mewakili atau pun apabila mereka memenangi dalam sesuatu kejohanan. Mereka tidak dimanjakan dengan pelbagai kemudahan dan insentif seperti elaun latihan, jurulatih khas dari luar Negara, makanan yang seimbang, pakaian dan peralatan yang mahal, latihan psikologi, latihan di luar negara dll lagi seperti yang disediakan dalam zaman ini! Tetapi atlet zaman dahulu telah memperoleh kejayaan cemerlang walaupun keadaan serba kurang. Bagaimana ini boleh berlaku?

Mereka berjaya dalam usaha mereka kerana, MINAT, DEDIKASI, RAJIN, INGIN BERJAYA, dan INGIN MENAIKKAN IMEJ NEGARA KITA. Nilai-nilai inilah yang telah menjadikan mereka atlet Negara yang berjaya dan yang masih dike-

nang oleh Negara. Mereka telah menceburi dalam sukan kerana mereka sangat berminat, mereka ingin memperoleh kejayaan untuk diri sendiri, untuk keluarga dan untuk Negara. Mereka telah mengorbankan masa, tenaga, wang untuk berlatih bersungguh-sungguh. Mereka tidak mengharapkan sebarang insentif untuk kejayaan ini. Sebab itulah mereka telah mengekalkan kehandalan mereka untuk satu jangka masa yang panjang – bukan seperti atlet kini yang lenyap setelah memenangi satu atau dua kejohanan dalam usia yang muda lagi. Usaha murni mereka ini telah membantu mereka memenangi banyak pingat Emas, Perak dan Gangsa dalam sukan Asia dan Sukan SEAP/SEA sehinggalah ada yang digelar sebagai Raja Pecut Asia; Most Improved Athlete in Asia dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1966, dalam Sukan Asia di Bangkok, pasukan atlet negara telah memenangi 5 pingat Emas dalam olahraga dan berjaya mendapat tempat kedua dalam olahraga di Asia. Negara Jepun telah mendapat tempat pertama. Inilah yang dikatakan kejayaan cemerlang! Pencapaian atlet Negara mesti dinilai dalam sukan-sukan besar seperti sukan olimpik, sukan Asia, dan sukan Komanwel. Bekas atlet Negara ini telah membuktikan kehandalan mereka dalam sukan-sukan tersebut. Sebab inilah mereka dianggap sebagai atlet terunggul.

Kebanyakan atlet ini bukanlah dari keluarga yang kaya. Walau bagaimanapun atas usaha diri sendiri, mereka telah berjaya dalam kedua-dua bidang sukan dan akademik. Selain daripada berjaya dalam sukan, mereka telah berjaya dalam kehidupan mereka dengan memperoleh kerjaya yang cemerlang. Setelah bersara daripada bidang sukan kerana usia,

ramai di antara mereka telah membantu Negara dalam pengurusan/pentadbiran dan pengeloaan sukan. Ada yang masih menjadi atlet master dan menyertai dalam kejohanan-kejohanan di luar Negara. Mereka masih mempunyai sikap yang positif dan semangat patriotik yang tinggi. Kesemua ciri-ciri mereka inilah yang telah membawa mereka ke tangga mercu dalam bidang sukan. Ciri-ciri inilah yang membezakan mereka daripada atlet masa kini.

Apa yang dicapai, apa yang disumbang dan apa yang dikorban oleh mereka adalah sangat membanggakan. Mereka harus dicontohi oleh atlet-atlet Negara kini. Banyak pengajaran boleh diperolehi jika atlet muda kini dapat mendampingi dan belajar sikap positif daripada mereka.

Mereka adalah Wira Negara !

JASA MU SENTIASA DIKENANG !

S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.

Pengerusi Pengelola

MIOSN

Merangkap Setiausaha Kehormat

Malaysian Masters Athletic Association (MMAA)

HAIL THE HEROES!

In the olden days, the perception of people who are 40 years and above is old, grumpy, un-productive, sickly and in fact considered burden to the family. Those days, the lifespan was very low due to factors such as insufficient medical facilities; low education; no awareness of healthy lifestyle etc. But now everything has changed. The lifespan of man in Malaysia has increased to about 75 years. People are living very long; awareness of healthy lifestyle is very high; and the medical facilities have increased tremendously.

Forty years (40 yrs) of age is considered young now. Some say life begins after 40 ! People are exercising and keeping fit. Even at the age of 50 and above people are very productive in many aspects. Now those who have passed a half century are showing incredible talents such as competing and completing marathon races (42.195km); climbing Mount Everest, the highest mountain in the world; and even graduating at 80+! A 92 year old sikh completed Toronto Marathon with a time of 5hr 40 min (fastest time yet recorded by someone of his age). This time is quicker by almost 1 hour then he did in his debut at the Flora London Marathon at the age of 89! Dora Torres from USA has qualified for the 2008 Beijing Olympics in 100m freestyle at the age of 41 ! This is her fifth Olympics.

Involvement of master athletes in sports and social activities has evolved from a small scale to worldwide now. According to World Masters Athletes Association, master athletes are 35 years and above. Participation of master athletes in sports activities especially in the Athletics Championships is very encouraging. Athletes who are 70, 80 years are taking part in events such as Triple Jump, High Jump, Hurdles, Pole Vault which are high technical events and not easy to perform. Seeing these grandpas and grandmas performing with full enthusiasm and style, make one automatically inspired.

Former Malaysian Olympians who took part in early 50s to 70s are actively involved in master sports such as athletics, hockey, badminton, road races and football. Master athletes are great inspiration to younger generation. These athletes have acquired Multiple Intelligences – MI (Howard Gardner): verbal / linguistic, logical – mathematical, musical / rhythmic, visual/spatial, bodily kinesthetic, interpersonal and intrapersonal through their lifelong education and experiences. MI together with intrinsic motivation, these athletes are capable of creating a new generation which is full of inspiration and patriotism. They stand as good examples to the younger generation. These master athletes should be given recognition and rewards by all agents, from the government to corporate bodies.

Malaysian master athletes have been participating in the veterans / masters athletics championships since early 1970's at Asian and International levels. They have brought a lot of glory to the country since then. Apart from the glory, they are living and enjoying their lives every day. They are living inspiration for the new generation.

"Many of us have forgotten to live today, thinking we have to wait for a special occasion to enjoy lives" (Mahatma Gandhi)

"The only disability in life is a bad attitude!" (Scott Hamilton)

Ms. R. Kalaivalli
Senior PE Lecturer
Teachers Training Institute
Kuala Lumpur, Malaysia



**STATISTIK PENYERTAAN ATLET KETURUNAN INDIA DALAM
SUKAN OLIMPIK MEWAKILI MALAYA / MALAYSIA**

TAHUN	VENUE	JUMLAH PESERTA NEGARA	ATLET KETURUNAN INDIA	PERATUS
1956	MELBOURNE	33	11	33.3%
1960	ROME	09	01	11.1%
1964	TOKYO	66	23	34.8%
1968	MEXICO	33	18	54.6%
1972	MUNICH	39	15	38.5%
1976	MONTREAL	23	10	43.5%
1980	MALAYSIA TIDAK MENYERTAI			
1984	LOS ANGELES	21	5	23.8%
1988	SEOUL	15	3	20.0%
1992	BARCELONA	27	8	23.8%
1996	ATLANTA	36	9	25.0%
2000	SYDNEY	41	6	14.6%
2004	ATHENS	23	-	-

** Pada tahun 1968, penyertaan atlet keturunan India adalah melebihi separuh daripada kontinjen, walaupun peratus warga keturunan India di Malaysia pada tahun itu adalah kurang daripada 8%. Ini menunjukkan betapa nya kehebatan atlet keturunan India pada tahun 50an hingga 90an!*



OLYMPICS...

- The first Ancient Olympic Games were held in 776 BC in Olympia, Greece, and the games were banned in 393 AD, after the Romans conquered Greece.
- After more than 1,500 years, the Olympic games were revived by Baron Pierre de Coubertin, a French aristocrat who believed that it was sports that made a well rounded and vigorous person.
- The first Modern Olympic Games were held on 6th April 1896 in Athens, and King George I of Greece declared open the games.
- The oldest contest that took part in Olympic Games is The Foot Race-athletes were running nude, in an area whose length was about 600 feet, that is one Stade.
- The start and duration of the stadium race were specified by clear rules and there were set penalties for athletes who broke them.
- In 490 BC Athenian army defeated army from Persia in a place called Marathon – about twenty five miles from Athens. A runner was dispatched to Athens to carry the news of the great victory. The runner reached the city, said “Rejoice, we conquer” and fell to the ground dead. This prompted the Athenians to conduct the Marathon race with a distance of 26 miles 386 yards (42.195 KM).
- Many athletes employed professional trainers to coach them, and they adhered to training and dietary routines much like athletes today.
- Aristotle wrote that, overtraining was to be avoided, claiming that when boys trained too young, it actually sapped them of their strength!
- The first time women allowed to participate in the Olympic Games was in 1900. Charlotte Cooper from England was the first woman to become an Olympic champion in Tennis womens singles.
- In 1908, the London Olympics went on for 187 days – it started in April and did not end until October 1908!
- The last Olympic gold medals made entirely out of gold were awarded in 1912.
- The Olympic flag was first flown during the 1920 Olympic Games and the five rings on it represent the five major regions – Africa, the Americas, Asia, Europe and Oceania.
- Women were not allowed to participate in track and field events in the Olympic Games until 1928 – the year when the Olympic Flame first appeared in the modern Olympic !
- Synthetic running surfaces first used at the 1968 Olympics.
- Mahatma Gandhi, the father of the Indian independence movement, covered the 1932 Los Angeles Olympics as a newspaper reporter!
- The oldest Olympian ever was Oscar Swahn, a Swedish shooter in the 1920 Belgium Olympics. He was 72 years old!



HEALTHY LIFE ? CONSIDER THESE...

Do not interfere in others' business unless asked

Treat sickness with optimism, whether you are poor or rich.

When there is an opportunity, get together with old classmates, old colleagues and old friends.

Forgive and forget; Do not be jealous

Do not wait till you cannot even walk, just to be sorry and to regret

Before middle age - do not fear; After middle age – do not regret !

Do not crave for recognition

Change yourself according to the situation

Endure what cannot be cured

Enjoy your life while you can; Life is short – make it sweet

As long as it is physically possible, visit places you wish to visit

Never leave the mind vacant

Do not bite off more than you can chew

Meditate regularly

Make the people around you happy all the time

Every day you must smile and laugh

Running water does not flow back. So is life, make it happy

Hope ends when you stop believing; Love ends when you stop caring; friendships ends when you stop sharing and Life ends, when you stop dreaming.

All the pressures of life can never hurt you unless you let them in

If you want to walk quick, walk alone; If you want to walk far, walk together

Money kept in the banks may not be really yours. When it is time to spend, just spend, treat yourself well as you're getting old

Human life would be perfect if ... Anger had a STOP button; Mistakes had a REWIND button; Hard times had a FORWARD button; and Good Times a PAUSE button.

Don't waste your life trying to impress other people. Do what you love, love what you do !

Everyone has to go through the birth, aging, sickness and death. There is no exception, that's life !

TAKE A BREAK !...



△ A wife asks her husband, "Could you please go shopping for me and buy one carton of milk and if they have avocados, get 6". A short time later the husband comes back with 6 cartons of milk. The wife asks him, "Why did you buy 6 cartons of milk?". He replied, "**They had avocados.**"

△ 25% of the women in this country are on medication for mental illness. That's scary - It means **75%** are running around untreated.

△ **Son:** Daddy, please tell me the difference between mom and wife.

Dad: One who brings you into this great world crying, and the other one ensures you continue crying!

△ "You looked troubled", I told my friend. "What's your problem?". He replied, "I'm going to be a father". "But that's wonderful", I said. He said, "What's wonderful? **My wife doesn't know about it yet!**"

△ When Jenny did not go to school, the teacher called to ask the mother. Mother replied, "Please excuse Jenny. She has been sick and **under the doctor!**"

△ How can you lift an elephant with one hand?
- You will never find an elephant that has **only one hand!**

△ Why do women live longer than men?
- Because, shopping never causes heart attacks, but paying the bills does !

△ Men want 3 qualities in wives: **Economist** in kitchen, **Artist** in home and **Devil** in bed. But they get : **Artist** in kitchen, **Devil** in home and **Economist** in bed !

△ Women have a number of faults. Men have only two – Everything they say and Everything they do !


△ A woman marries a man expecting he will change, but **he doesn't**, A man marries a woman expecting that she won't change but **she does!**

△ An Airline introduced a special package for businessmen – Buy your ticket, get your wife's ticket free. After great success, the company sent letters to all the wives asking how was the trip. All of them gave the same reply---"**What trip?**"

△ A successful man is one who **makes more money** than his wife can spend. A successful woman is one who **can find such a man.**

△ What is the difference between Finish and Complete ?
When you marry the right one, you are Complete.
When you marry the wrong one, you are Finished.
When the right one sees you with the wrong one, ... you are Completely Finished !

HAVE A NICE EVENING...



Penghargaan

Pihak pengelola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak berikut yang telah banyak menyumbang untuk menjayakan program ini:

YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Pegawai di Pejabat Perdana Menteri

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Majlis Sukan Negara Malaysia

Kementerian Wilayah Persekutuan

Majlis Olimpik Malaysia

Malaysian Indian Congress

Sri Maha Mariamman Temple Devasthanam

NLFCS

dan semua pihak yang membantu menjayakan majlis ini secara langsung atau tidak langsung.



Majlis Penganugerahan Olahragawan / Olahragawati Kebangsaan 1966



M. JEGATHESAN

Olahraga/Athletics

M. RAJAMANI

Olahraga/Athletics

TAHUN 1967 IALAH TAHUN BERMULANYA TRADISI
KEBANGGAAN DALAM SEJARAH SUKAN MALAYSIA. SATU
TRADISI UNTUK MENGHARGAI JASA JAGUH-JAGUH
SUKAN NEGARA — PENANUGERAHAN
OLAHRAGAWAN/OLAHRAGAWATI KEBANGSAAN.
PENANUGERAHAN GEMILANG INI YANG DIPERKENALKAN
OLEH ROTHMANS OF PALL MALL ADALAH DIBERI
SEBAGAI MENGIKTIRAF AZAM DAN USAHA DEDIKATED
YANG MENGHASILKAN KEJAYAAN CEMERLANG.





3rd SEAP Games, Kuala Lumpur 1965






3rd SEAP Games, Kuala Lumpur 1965




V Asian Games, Bangkok 1966



3rd SEAP Games, Kuala Lumpur 1965





The Mexico Olympics



Asian Games Aug 28, 1969





